



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

18 OGOS 2021

1. Fomca terima aduan susu formula punca cirit-birit teruk.
2. Maqis rampas lebih 25 tan potongan ayam sejuk beku.
3. Seludup 25 tan ayam beku.
4. Risiko burung pelihara cedera: Pemilik perlu segera dapatkan rawatan di klinik veterinar bagi mengelak komplikasi terhadap luka unggas itu.

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18.08.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Fomca terimā aduan susu formula punca cirit-birit teruk

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menerima beberapa aduan berhubung keselamatan susu formula bayi dan kanak-kanak yang didakwa mempunyai kesan sampingan terhadap beberapa kes cirit-birit termasuk cirit-birit berdarah.

Ketua Pegawai Eksekutif Fomca, Dr T Saravanan berkata, Fomca meminta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga syarikat susu formula untuk memeriksā sebarang insiden yang berkaitan dengan keselamatan dan juga menarik balik produk tersebut sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurutnya, Fomca khatir terhadap keselamatan semua jenama susu formula dan pihak KKM bertanggungjawab melakukan ujian makmal dan memeriksa bahan yang boleh membahayakan nyawa.

“Kebanyakannya kes aduan berlaku ketika ibu bapa menukar susu berdasarkan umur dan pertumbuhan kanak-kanak menyedari anak-anak mereka mengalami kes cirit-birit yang teruk selepas minum susu tersebut.

“Fomca menasihati ibu bapa supaya memantau perubahan pergerakan bayi me-

reka sejurus selepas menukar susu formula. Satu dekad lalu terdapat insiden susu formula yang dicemari melamin berbahaya yang terjual di pasaran di mana pemerintah perlu campur tangan untuk menyekat pengimportan susu formula tersebut,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Dr Saravanan berkata, pengguna disarankan untuk membuat kajian dan membaca pengalaman serta reaksi yang dikongsikan oleh ibu bapa yang sudah melalui pengalaman buruk dengan jenama susu formula terbabit.

Tambahnya, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat yang berguna dan boleh menghalang kejadian tidak diingini berlaku.

“Sekiranya anak-anak mengalami kesan sampingan disebabkan susu formula, mereka disarankan untuk menghubungi Bahagian Pemakanan KKM di talian **03-88924503/4556**.

“Pengguna juga disarankan untuk tidak menyerahkan bukti kepada syarikat formula sebaliknya bukti tersebut perlu diserahkan kepada pihak kementerian supaya produk terbabit boleh disiasat,” ujar beliau lagi.

Tarikh luput potongan ayam sejuk beku dari Thailand tidak sepadan itu cuba dibawa masuk di Bukit Kayu Hitam

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

BUKIT KAYU HITAM

Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya merampas lebih 25 tan potongan ayam sejuk beku bernilai RM250,000 kerana didapati tarikh luput tidak sepadan pada Jumaat lalu.

Jurucakap Maqis Negeri Kedah berkata, potongan ayam berkenaan dibawa masuk dari Thailand melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaran tin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Menurutnya, hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan terdapat sebanyak 2,084 kotak dengan be-

Maqis rampas lebih 25 tan potongan ayam sejuk beku



Kenderaan yang membawa potongan ayam sejuk beku dari Thailand dikesan memberi maklumat mengelirukan anggota pengawal kuasa.



Tarikh luput di kotak dan sijil tidak sepadan dan mengelirukan.

rat 25,008 kilogram potongan ayam sejuk beku dalam kontena tersebut.

"Kita dapat bahawa pengendali telah mengemukakan

maklumat dan dokumen yang mengelirukan di mana tarikh luput pada kotak dan sijil tidak sepadan menyebabkan kontena tersebut ditahan," katanya dalam

satu kenyataan pada Selasa.

Tambahnya, kegagalan untuk mengemukakan maklumat yang tepat atau mengelirukan adalah menjadi suatu kesalahan di ba-

wah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjar selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali mengikut akta yang sama," katanya.

Katanya, Maqis sentiasa komited melakukan pengawalkuasaan dan pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi menjamin keluaran pertanian yang diimport dan dieksport ke dalam serta luar negara mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

"Ia juga bagi memastikan supaya kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.

Seludup 25 tan ayam beku

Alor Setar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan menyeludup lebih 25 tan keratan ayam sejuk beku dianggar bernilai RM250,000 dari negara jiran Jumaat lalu.

Jurucakap Maqis Kedah berkata, lori kontena membawa 2,084 kotak keratan ayam itu ditahan dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, pada jam 4 petang.

Katanya, pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk dengan mengemukakan maklumat tidak tepat dan dokumen mengelirukan.

“Kegagalan mengemukakan maklumat tepat atau mengelirukan adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.



MAQIS merampas kotak berisi ayam sejuk beku dari negara jiran dari sebuah lori di ICQS Bukit Kayu Hitam, Jumaat lalu.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya giat melakukan pemeriksaan di pintu masuk sempadan bagi memantau keluaran produk pertanian yang diimport dan dieksport ke dalam dan luar negara.

RISIKO BURUNG PELIHARAAN CEDERA

Oleh Nurul Husna Mahmud
Nurul_husna@hmetro.com.my

Burung antara pilihan perminat haiwan untuk dipelihara sebagai penerima atau hobi masa lapang kerana memiliki sifat manja selain boleh dilatih untuk 'free fly' (diterbangkan).

Bagi kebanyakan pemilik burung, biasanya akan memelihara spesies unggas itu di dalam kediaman bagi melindungi dari ancaman pemangsa lain.

Jika merenung kepada sifat haiwan ini yang gemar terbang, semestinya pemilik yang memelihara di dalam kediaman akan mlepaskan burung peliharaan mereka sebagai rutin memenuhi tabiat semula jadi.

Tidak hairanlah keadaan itu boleh mendakam kepada risiko kemalangan dan kecederaan membabitkan burung terutama membabitkan pemilik baru.

Menurut Pansyarah dan Perunding Avian Hospital Veterinan Universiti (HVU), Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Jalila Abu, burung peliharaan sering terdedah kepada trauma dan kecederaan fizikal disebabkan kemalangan.

"Burung yang dipelihara di dalam rumah berdepan dengan pelbagai kemalangan seperti terkena kipas siling, terhantuk pada dinding dan terlanggar perkakas lain apabila ia terbang."

"Tidak kurang juga, kemalangan boleh berlaku membabitkan burung di dalam sangkar yang mana kecederaan berpunca daripada kejadian seperti tersangkut kepak atau kaki di dinding atau pintu sangkar."

Kecederaan yang boleh dialami burung ini termasuk kerosakan bulu pelepas iaitu bulu pelepas patah atau kulit dan tisu bahagian itu terkoyak.

"Keadaan itu masih dikategorikan sebagai kecederaan kecil berbanding patah tulang atau sendi terseluruh di bahagian kepak dan kaki yang menyebabkan burung tidak boleh bergerak mahupun terbang sejerti biasa," katanya.

Tambah Dr Jalila lagi, apabila pemilik mendapati

Pemilik perlu segera dapatkan rawatan di klinik veterinar bagi mengelak komplikasi terhadap luka unggas itu



PASUKAN teknikal dan doktor veterinar dalam bilik bedah selepas selesai pembedahan.



PEMERIKSAAN susulan tulang kaki burung yang patah.

burung peliharaan mereka tercedera, perlu segera mendapatkan rawatan di klinik veterinar bagi mengelak komplikasi terhadap luka atau kecederaan unggas itu.

"Kesilapan yang sering berlaku dalam kalangan pemilik burung apabila haiwan itu tercedera ialah sikap bertangguh mendapatkan rawatan sehingga menyebabkan luka menjadi kering atau tempat yang patah terdedah dan dijangkiti kuman."

"Tulang yang terdedah dan sudah dicuci kuman boleh menyebabkan haiwan itu mati atau 'non-viable'. Keadaan itu mengakibatkan kaki atau kepak terpaksai dipotong," katanya.

Jika mendapat rawatan kadar segera, tulang yang patah itu dapat diselamatkan menerusi cara pembedahan atau balutan

bagi menstabilkannya dan memberi masa untuk bahagian itu sembuh.

"Tempoh untuk sembuh juga bergantung kepada tahap kecederaan dan biasanya dalam jangka masa empat hingga enam minggu.

"Ketika pembedahan pula, burung patah tulang

akan diletak bawah anestesi pernafasan dalam tempoh satu hingga tiga jam bergantung kepada tahap serius tulang yang patah."


"Dalam proses itu juga, radiografi tulang akan diambil secara berkala.

Pemberian ubat tahan sakit, ubat mengurangkan

FOTO | IHSAN FAKULTI PERUBATAN VETERINARI UPM



PROSES rawatan menggunakan kaedah balutan tulang patah.



GAMBAR X-ray keadaan tulang kepak burung yang patah.

bengkak dan antibiotik bagi kes trauma tisu terbuka atau koyak," katanya.

Antara tip penting turut dikongsikan Dr Jalila untuk memastikan kesajahteraan burung peliharaan ialah pemilik boleh melakukan pemotongan bulu pelepas sayap sebanyak dua kali setahun. Selain digalakkan membawa burung untuk pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya dua tahun sekali.

Langkah-langkah boleh diambil pemilik apabila mendapati burung peliharaan mengalami kecederaan:

1. Tangkap burung yang cedera dan biarkan di dalam sangkar, sofa atau dalam pegangan pemilik antara 10 hingga 15 minit.

2. Perhatikan sama ada pendarahan di kepak, kaki atau bahagian mulut.

Adakah burung peliharaan

anda menunjukkan keadaan tidak normal seperti susah bernafas atau mata tertutup? Adakah ia mampu berdiri atau nampak kedudukan sayap tidak normal?

3. Hubungi segera klinik atau hospital veterinar yang berdekatan untuk membuat temu janji bagi memapatkan rawatan.

4. Pemilik sebaiknya digalakkan untuk membawa burung yang cedera pada hari yang sama di mana kejadian berlaku atau paling lewat keesokan harinya.

5. Pihak klinik atau hospital veterinar akan memberi nasihat awal untuk tindakan sebelum perjalanan ke tempat temu janji seperti memberi makanan dan minuman, perlu 'dipusaskan' atau perlu dimasukkan ke dalam wad di klinik atau hospital veterinar.